



## **“SERANGAN BESAR-BESARAN ZIONIS TERHADAP GAZA ADALAH USAHA TERAKHIR UNTUK MENGHANCURKAN BENTENG PERTAHANAN UMMAH”**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ  
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ  
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ حَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ، اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ الْمَيَامِينِ  
الْمُطَهَّرِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا  
تُموتنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Muslimin yang dirahmati Allah SWT.,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT. dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Marilah kita memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT. dan memperbanyakkan selawat serta salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. di samping sentiasa berusaha melaksanakan segala sunnahnya. Mudah-mudahan ianya akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Khutbah Jumaat pada kali ini bertajuk “ **Serangan Besar-Besaran Zionis Terhadap Gaza Adalah Usaha Terakhir Untuk Menghancurkan Benteng Pertahanan Ummah**”.

## Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Firman Allah SWT. dalam surah al-Maidah ayat 82:

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِلَّذِينَ ءَامَنُوا الْيَهُودَ  
وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا...<sup>ص</sup>

“Demi sesungguhnya Engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali permusuhannya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik...”.

Rasulullah bersabda yang bermaksud:



*"Akan ada segolongan dari kalangan umatku yang akan terus berjuang menegakkan kebenaran dan melemahkan musuh mereka. Orang tidak bersetuju dengan perjuangan mereka tidak akan melemahkan semangat mereka. Sekali-sekala mereka berhadapan dengan penderitaan sehinggalah datang ketentuan Allah dan mereka terus menerus berjuang. Sahabat bertanya di manakah mereka wahai Rasulullah. Baginda menjawab di Baitul Maqdis dan di persekitaran Baitul Maqdis".*

*(Riwayat Tabrani).*

Ayat ini jelas menegaskan bahawa golongan Zionist dan Imperialist akan terus menerus melancarkan berbagai bentuk serangan pemikiran, budaya, ekonomi, informasi dan ketenteraan untuk memalingkan umat Islam dari kebenaran, dan hak mereka yang sah demi menghalang kebangkitan dasar dan sistem hidup yang adil, benar dan suci sesuai dengan semangat kemanusiaan dan peradaban yang murni iaitu dasar hidup Islam di dunia ini .

Sebab itu mereka memaksa umat tunduk dan menerima kezaliman dan perampasan terhadap tanahair Palestin oleh Yahudi sebagai suatu yang sah. Manakala melawan penjajah, perampas tanahair dan pembunuh atau Israel sebagai suatu yang haram, salah dan merupakan kejahatan dan keganasan.

Mereka mensasarkan kejahatan mereka di rantau yang paling penting dan strategik iaitu di Palestin kerana di sini terdapat kiblat pertama umat Islam , di sini wujudnya warisan sejarah gemilang umat Islam rantau khilafah Islam masa lampau.

Hari ini umat Islam sekali lagi menyaksikan kekejaman tentera Israel , walaupun dalam keadaan hampir tidak mampu berbuat apa-apa. Ketika berita disiarkan di media massa , mayat-mayat saudara kita sudahpun bergelempangan di serata kota Gaza.



Serangan yang kononnya hanya untuk mensasar pusat tentera kerajaan HAMAS ternyata hanya suatu pembohongan besar. Yang jelas mereka melancarkan operasi mengebom tanpa had sehingga meranapkan masjid, rumah anak yatim dan bangunan kediaman serta pejabat-pejabat resmi kerajaan. Lebih mengejutkan lagi 2 buah hospital pun juga dibom.

Dalam suatu serangan , satu keluarga yang mengandungi 18 orang terbunuh bila mereka dibom oleh jet tentera udara Israel. 7 Orang yang sedang membeli-belah dipasar juga terbunuh termasuk kanak-kanak dalam serangan baru-baru ini. 400 wanita dan kanak-kanak di kampung Taybeh Gaza di tangkap dan di bawa keluar dari kampung itu. Kini angka kematian sudah mencecah 190 orang . Manakala yang luka-luka sudah mencapai angka 2000 dan angka-angka tersebut akan terus meningkat.

Gaza benar-benar berdarah pada hari 8hb Julai 2014 itu. Serangan itu rupa-rupanya berterusan sehingga hari kedua yang mengakibatkan bertambah bilangan yang terbunuh. Saat khutbah ini dibacakan hari ini sudah masuk hari ke – 11 Gaza di serang dengan segala kekuatan Israel dan sudah ratusan Rakyat Gaza terkorban, 13,550 buah rumah musnah, ribuan yang tercedera, 5 buah sekolah dihancurkan, dan kerugian akibat kemusnahan mencecah 700 juta USD bersamaan RM 1.75 billion.

Rakyat Palestin dan penduduk Gaza khasnya yang merealisasi kumpulan yang terus menerus memperjuangkan kebenaran hak-hak mereka dan keadilan seperti yang dijanji dan dinyatakan oleh Rasulullah dalaman sebuah hadith baginda terus menjadi sasaran pembunuhan operasi genocide besar-besaran oleh tentera Zionis Yahudi.



Dalam keganasan Israel yang terbaru ini , Mesir menjadi alat paling menjijikkan kepada Israel dan Amerika. Presiden Kudeta Mesir , Abdul Fattah Al Sisi nampaknya sebaris berkonspirasi dengan pemimpin-pemimpin Zionis Yahudi. Mesir nampaknya sanggup bersekongkol dengan Israel bila mereka memusnahkan 1500 terowong tali hayat Umat Islam di Gaza dan menyekat pintu masuk ke Mesir Melalui Rafah di Selatan Gaza .

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Kita tahu mahu berita penderitaan umat Palestin bukan lagi suatu berita yang baru. Akan tetapi umat Islam tidak harus hanya menjadi pemerhati dan tergamam dengan kezaliman yang bukan kali pertama ditunjukkan oleh tentera Zionis Israel.

Pencerobohan , sekatan dan kepungan terhadap Gaza sudah bermula sejak 7 tahun yang lalu. Bagaikan sebuah penjara terbesar dunia , 1.8 juta rakyat Gaza kini dikepung oleh tentera Israel disatu pihak dan sempadan Mesir yang ditutup oleh kerajaan Mesir di satu pihak yang lain. Akibatnya seluruh ekonomi Gaza dilumpuhkan. Ramai kanak-kanak sudah terkorban kerana tidak cukup ubatan , hampir separuh penduduk Gaza menganggur. Banyak prasaranan dimusnahkan oleh tentera Israel .Tidak cukup dengan penderitaan itu , bekalan makanan juga disekat tentera Zionis Lahnaktullah itu.

Kini keadaan mereka menjadi sangat menyedihkan apabila situasi rakyat Gaza seolah-olah berada seperti nyawa-nyawa ikan.. Tidak dibenarkan memasuki Mesir untuk mencari bekalan ubatan dan makanan , dalam masa yang sama juga tidak mendapat bekalan dari luar. Ertinya mereka dipaksa mati perlahan-lahan.



### **Sidang Jumaat sekalian,**

Adalah menjadi kewajipan kita untuk bangkit dan menyatakan kemarahan kita dengan jelas. Apakah umat Islam hanya mahu menjadi penonton tatkala kita mendakwa bahawa kita adalah bersaudara sedangkan darah saudara kita mengalir setiap hari di Gaza?.

Mungkinkah kita sanggup hanya mengeleng kepala menyaksikan pembunuhan kejam terhadap rakyat Palestin padahal kita mengaku beriman kepada ayat Allah bahawa setiap orang mu'min dengan mu'min yang lain adalah bersaudara?.

Dengan keadaan serangan yang dijangka akan berterusan dan pemimpin-pemimpin Islam diseluruh dunia nampak sangat lemah dan lesu , maka umat Islamlah yang perlu bangkit bersatu untuk membantu saudara-saudara kita di Gaza dan diseluruh Palestin.

Kita tahu benar bahawa setiap darah yang mengalir dari tubuh saudara Islam tanpa hak mesti dibela . Kita juga tahu bahawa umat Palestin sedang menunggu pembelaan kita sejak lebih 60 tahun yang lalu lagi. Penderitaan mereka sudah bermula sejak 1948 lagi bila Israel dengan angkuhnya ditubuhkan. Semenjak itu lebih 4 juta orang Palestin telah menjadi pelarian didalam dan diluar Palestin. Kehidupan yang sangat perit sedang dialami oleh saudara-saudara kita sejak sekian lama. Tanah mereka dirampas , rumah kediaman dan kebun mereka dimusnahkan , anak gadis dan perempuan mereka di rogol dan didera, pemuda mereka ditangkap , diseksa dan akhirnya ramai yang dibunuh di penjara Yahudi , hak hidup mereka dinafikan sehingga mereka hidup dalam keadaan sangat hina .

### **Sidang Jumaat dan saudara-saudaraku sekalian,**



Marilah kita bangkit untuk membela kezalimaan yang berlaku ke atas saudara-saudara kita di Gaza sekarang. Jika ada yang bertanya apa yang kita boleh lakukan maka mimbar hari ini menyenaraikan beberapa langkah yang boleh kita laksanakan tanpa lengah :

1. Mengadakan solat hajat khusus untuk berdoa kepada Allah S.W.T. supaya diselamat umat Islam di Palestin amnya dan di Gaza khususnya. Doa Qunut Nazilah khas untuk memohon agar Allah membantu kaum Muslimin serta menghancurkan musuh Islam hendaklah kita ungkapkan bagi setiap peluang dalam ibadat kita.
2. Menyumbang dalam bentuk kewangan untuk membantu merengankan penderitaan rakyat awam Gaza serta membantu agar mereka dapat mempertahankan diri mereka dari serangan penganas Israel.
3. Melancarkan boikot kepada semua barangan , perkhidmatan mahupun acara-acara sosial Amerika dan apa sahaja yang berkait dengan kepentingan Amerika dan Israel. Ini boleh dilakukan dengan memperhebatkan boikot terhadap barangan dan makanan keluaran Amerika yang kita dapat mencari alternatif yang lain. Kuasa pengguna seluruh umat Islam perlu digembleng semaksimanya .
4. Melaksanakan tunjuk perasaan aman untuk menyatakan kemarahan dan ketukan kita terhadap kezaliman Israel dan Amerika yang bersekongkol dengan Israel disebabkan mungkin tempat..
5. Mengadakan penerangan disemua Masjid , surau , pejabat , sekolah , maktab dan universiti bagi menjelaskan isu kezaliman Israel di Gaza sekarang ini dengan tujuan meningkatkan sensitiviti dan keperihatinan



umat Islam untuk bangkit berjihad menentang keganasan Zionis Yahudi dan golongan Imprealist Baru .

Iniilah yang paling minima yang dapat kita lakukan . Marilah kita lakukan sedaya yang kita mampu agar kita dapat menjawab kepada Allah S.W.T. dan menebus dosa kita terhadap kelekasaan kita dimasa yang lalu.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَل لَّنَا مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا وَاجْعَل لَّنَا مِنْ لَدُنْكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

"Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan ugama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, laitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihak-Mu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan ugama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihak-Mu seorang pemimpin yang membela Kami (dari ancaman musuh)".

(An-Nisa' : 75).





بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.